

Agenda 8: Ketetapan-ketetapan Jawatankuasa Tertinggi Pusat

PENDAHULUAN

Persidangan Kebangsaan DAP dengan rendah hati menyedari sepenuhnya bahawa

- ◆ Sepanjang lebih lima dekad kewujudan DAP, parti ini telah berkembang menjadi sebuah parti yang mampu membentuk kerajaan yang baik dan mampu menghimpun segala macam daya sosial yang berkongsi wawasan untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang tidak perkauman, tidak rasuah, saksama dan demokratik.
- ◆ Bahawa terdapat bermacam-macam cabaran di peringkat global, serantau, dalam negeri dan antara parti yang perlu ditangani kerana dampaknya terhadap parti dan negara – bahawa DAP perlu memantapkan keupayaannya untuk bertindak balas secara kreatif terhadap faktor-faktor berkenaan serta hakikat zaman yang cepat berubah; bahawa parti ini perlu menerajui perjuangan menegakkan Keadilan Sosial, Kemakmuran Saksama dan Solidariti Sejahtera di kalangan semua rakyat Malaysia.

Persidangan Kebangsaan DAP 2014 dengan itu memutuskan;

PENGHORMATAN:

1. Bahawa sebagai sebuah bangsa, Malaysia berdukacita berikutan tragedi MH17 dan MH370 yang berlaku pada tahun ini; **DAP MENYATAKAN SEMANGAT SOLIDARITI TIDAK BERBELAH BAGI** dengan setiap seorang yang terlibat dan terkesan dengan tragedi itu tanpa mengira kaum, agama dan kepercayaan.
2. Bahawa parti ini telah ditimpa ujian besar apabila tiga orang wakil rakyatnya yang juga merupakan pemimpin kanan parti yang telah lama mengharungi perjuangan bersama rakan-rakan lain dalam parti telah meninggal dunia; bahawa ingatan terhadap Sdr. Karpal Singh, Sdr. Wong Ho Leng dan Sdr. Seah Leong Peng akan **DIPELIHARA, DISUBURKAN DAN TERPAHAT DALAM JIWA** setiap seorang yang mengenal mereka sehingga ke akhir masa.

SABAH DAN SARAWAK:

3. Untuk **MENYERU** kerajaan agar menilai semula sama ada impian dan cita-cita rakyat Sabah dan Sarawak telah dipenuhi setelah lima dekad Malaysia terbentuk; dan **MENGHORMATI** pandangan bahawa perlu dinilai semula persetujuan yang telah dicapai antara kedua-dua negeri itu dan Persekutuan melalui kajian semula yang mendalam terhadap Perjanjian Malaysia.
4. Untuk **MELAHIRKAN KEKECEWAAN BESAR**, rasa tidak percaya, kurang senang dan terkejut dengan laporan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja berkenaan Pendatang Tanpa Izin di Sabah; untuk **MENGULANGI** seruan kita agar laporan itu dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Sabah agar pihak yang terlibat boleh diadili, dan didedahkan kepada umum semua kesalahan yang telah dicabul dan telah menghina hak kerakyatan untuk golongan yang benar-benar berhak ke atasnya.
5. Untuk **MENGHARGAI** semangat dan keberanian anggota pasukan bersenjata yang telah berjuang menentang para pemberontak asing yang menceroboh Lahad Datu, serta menuntut kerajaan untuk mengukuhkan tahap keselamatan di sempadan dengan memberikan tumpuan

khusus kepada pantai timur Sabah; untuk **MENDESAK** agar proses pemerolehan tentera dinilai kembali secara menyeluruh bagi memastikan ketelusan dan agar anggota tentera Malaysia mendapat peralatan yang terbaik bagi mempertahankan tanahair kita.

6. Untuk **MENGHORMATI** semangat di sebalik Batu Sumpah Keningau yang membentuk tiga asas bagi pembentukan Malaysia pada tahun 1963, iaitu kebebasan beragama, hak negeri ke atas tanah, dan menghormati serta menegakkan kebudayaan dan warisan penduduk peribumi Sabah.

JANJI:

7. Untuk menyatakan **TEKAD** bagi membina keupayaan semua anggota parti ke arah menjadi pejuang demokrasi sosial dan untuk membina barisan pemimpin masa depan; dan untuk terus **MENGUKUHKAN** barisan pemimpin dan ahli dewan perundangan yang ada sekarang ke arah menjadikan DAP sebagai Parti yang membawa Idea dan Penyelesaian terulung di Malaysia.
8. Untuk **MENEGUHKAN SEMULA** komitmen bukan hanya DAP, malah juga **MENGALAKKAN** komitmen semua parti komponen Pakatan Rakyat terhadap Kerangka Kerja Dasar Bersama Pakatan Rakyat, Buku Jingga dan juga Perisytiharan Shah Alam; dan **MENEGASKAN** bahawa DAP akan teguh berpegang dengan persetujuan yang telah lama dicapai antara parti-parti Pakatan Rakyat bahawa pelaksanaan Hudud tidak akan dimasukkan dalam agenda perundangan mahu pun urus tadbir Pakatan sama ada di peringkat negeri mahu pun kebangsaan.
9. Untuk **MENEGUHKAN SEMULA** perjuangan asas parti untuk membentuk Malaysia bagi bangsa Malaysia, dengan menyediakan jalan yang jelas ke arah suasana sosial, politik, dan ekonomi baru di mana perwakilan berasaskan kaum dianggap lapuk dan tidak lagi perlu.
10. Untuk **MENGANDAKAN USAHA** mengembangkan parti dengan meneroka wilayah sokongan baru dan pada masa yang sama **MEMPERKUKUH** asas sokongan sedia ada dengan meneruskan budaya keterbukaan dan kemenyeluruhan; menegaskan bahawa DAP adalah untuk semua rakyat Malaysia.

MEMALAYSIAKAN MALAYSIA:

11. Untuk **SECARA TEGUH DAN TANPA GOYAH** meneruskan projek Memalaysiakan Malaysia, di mana setiap seorang daripada kita **BERIKRAR** untuk bertindak berdasarkan persamaan yang ada di antara kita; **MENDAKAP** kekuatan yang terdapat dalam kepelbagaian kita, dan menjadi lebih matang dengan meraikan dan menyedari keindahan pada perbezaan yang wujud di kalangan kita.
12. Untuk **MENYOKONG** reformasi meluas terhadap sistem Pendidikan Kebangsaan, termasuk Untuk **MENERIMA** pendidikan berbahasa ibunda sebagai satu kekuatan yang dapat menghasilkan jatidiri Malaysia yang sejati; dan **MENGUTUK** tanpa teragak-agak tindakan UMNO mengapi-apikan sentimen perkauman dengan mempersendakan hak pendidikan bahasa ibunda yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan; **MENGULANGI** seruan agar UEC diiktiraf dan peruntukan sistematik diberikan kepada pendidikan bahasa ibunda.

MEMULIHKAN KEYAKINAN TERHADAP INSTITUSI NEGARA:

13. Untuk **MENINGKATKAN SERUAN** ke arah pendemokrasian sejati segenap kehidupan masyarakat Malaysia, termasuk wibawa polis, proses penyaluran maklumat, tatacara ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan urus tadbir kerajaan tempatan, dengan penekanan terhadap usaha menghidupkan semula pilihanraya kerajaan tempatan.
14. Untuk **MENGUTUK** penindasan politik menerusi kekerasan oleh Barisan Nasional, terutama

dengan keengganan mereka untuk memansuhkan undang-undang lapuk seperti Akta Hasutan walaupun mereka telah berjanji untuk berbuat demikian menjelang pilihanraya umum yang lalu; **MENKRIKTIK** Perdana Menteri kerana membuat helah dengan menyalahgunakan istilah 'Moderat' apabila menggunakan Akta Hasutan, seperti yang dilakukan terhadap Sdr. Anwar Ibrahim dan banyak lagi orang yang sedang berdepan dengan tuduhan, serta **MENYATAKAN SOLIDARITI SEPENUHNYA** dengan mangsa-mangsa tuduhan.

15. Untuk **MENGUPAYAKAN** para pengundi bagi menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap ketidakseimbangan pada sistem pilihanraya; dan **MENGULANGI TUNTUTAN TEGAS** kita agar Suruhanjaya Pilihanraya benar-benar bebas, dengan merujuk kepada proses persempadanan semula kawasan pilihanraya yang bakal dilaksanakan.
16. Untuk **MEMPERSOALKAN** kuasa mutlak pendakwaan yang berada di tangan Peguam Negara kerana isu-isu lama dan perkembangan terbaru yang menunjukkan tiada pertanggungjawaban pada kuasa itu dan ia terdedah kepada salah guna; dan untuk **MENYARANKAN** pembaharuan menyeluruh ke atas proses pelantikan dan pemilihan Peguam Negara.
17. Untuk **MENEGASKAN SEMULA** seruan ke arah penubuhan IPCMC bagi memulihkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis, dengan merujuk kepada peningkatan jumlah kematian dalam tahanan di Malaysia.
18. Memandangkan Malaysia akan menjadi Pengerusi ASEAN bermula pada tahun 2015, untuk **MENDESAK** agar kerajaan Malaysia menerajui pelaksanaan Pembaharuan Sektor Keselamatan serantau bagi **MEMERANGI** ancaman dalam diam dan halus terhadap proses menegakkan keamanan dan hak asasi manusia, peningkatan jenayah rentas sempadan, penyeludupan dan pemerdagangan manusia dan; **MENGUTUK** secara tegas gerakan IS yang sedang menyusup ke dalam masyarakat Malaysia dan menyeru kerajaan agar tidak berlengah dalam mengambil semua tindakan yang perlu bagi mencegah agenda penyebaran kepercayaan agama militan IS.
19. Untuk **MENEGASKAN SEMULA** seruan agar kuasa pendakwaan diberikan kepada SPRM dan agar bidang kuasa ke atas SPRM dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri ke bawah Parlimen bagi memastikan usaha membasmi rasuah dapat dijalankan secara serius dan tidak berpihak.

EKONOMI HIJAU:

20. Untuk **MEMASTIKAN** perkembangan ekonomi selari dengan dasar alam sekitar yang lestari dan tidak akan membawa kepada kemudaratan ekonomi dan sosial dalam jangka panjang.
21. Untuk **MENGALIHKAN** ekonomi Malaysia semasa yang terlalu bergantung pada bahan bakar berasaskan karbon kepada ekonomi yang mengutamakan sumber tenaga boleh diperbaharui, meningkatkan kecekapan tenaga dan memajukan teknologi hijau.
22. Untuk **MENERAPKAN DAN MENJUARAI** dasar pemuliharaan air bagi mengurangkan penggunaan air per kapita dan mengurangkan kadar pengaliran Air Tidak Berhasil (NRW); dan untuk **MENGIKTIRAF** kejayaan besar pengurusan air di Pulau Pinang.

PRO KEMANUSIAAN:

23. Untuk **MENGUTUK** penggunaan AUKU bagi mengekang kebebasan berkumpul dan bersuara mahasiswa universiti serta menyekat suara nurani anak muda menerusi larangan-larangan bersifat kuku besi ke atas wacana dan perbincangan politik yang wajar.
24. Untuk **MENGALU-ALUKAN** keputusan sebulat suara yang baru-baru ini dicapai oleh tiga orang hakim Mahkamah Rayuan bagi mengesahkan kembali bahawa Orang Asli di

Semenanjung mempunyai hak ke atas tanah leluhur mereka berdasarkan undang-undang.

WANITA DAN ANAK MUDA:

25. Untuk **MENGAKUI DAN MENJUARAI** konsep Pekerjaan Baik untuk Semua seperti yang dirumuskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang telah menempa kesepakatan antarabangsa di kalangan kerajaan, majikan, pekerja, kesatuan pekerja, dan masyarakat sivil, bahawa Pekerjaan Baik dan produktif adalah unsur utama untuk mencapai gobalisasi yang saksama, disokong oleh lokalisasi serta usaha mengurangkan kemiskinan dan mencapai pembangunan yang saksama, inklusif dan lestari.
26. Untuk **MENGUTUK** semua jenis diskriminasi sosioekonomi dan politik terhadap wanita dan anak muda, selain sebarang bentuk penindasan yang mungkin timbul dalam soal urus tadbir dan dasar.
27. Untuk **MENGUTUK** sebarang bentuk penyeludupan dan pemerdagangan manusia, khususnya perdagangan seks haram yang sedang berleluasa sekarang, dan sebarang bentuk eksploitasi pendatang asing yang lain; **MENEGAKKAN** kesetaraan sejagat dan tahap keselamatan paling tinggi di tempat kerja tanpa mengira latar kewarganegaraan atau jawatan.
28. Untuk **MENGHARGAI** pengagihan peluang ekonomi, kerjaya, dan perkembangan individu yang saksama serta menyedari bahawa semua itu adalah unsur utama yang dapat membawa kepada pembaharuan yang baik, iaitu sesuatu yang boleh dicapai dengan membentuk kaedah yang mantap bagi menjamin kesaksamaan dalam proses pemantauan gender dan pembuatan keputusan yang peka gender.
29. Untuk **MENGANJURKAN** perkembangan dan pembangunan yang baik dengan membentuk dasar-dasar yang wajar bagi memastikan penyertaan gender yang seimbang dan proses pembuatan keputusan yang logik dan mencerminkan pilihan yang sihat dan beretika; kuota minimum 30% wanita yang dicadangkan adalah bukti ketulusan dan kesungguhan DAP untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam politik.
30. Untuk **MENGUPAYAKAN DAN MENGUKUHKAN** sikap mandiri, percaya diri dan autonomi di kalangan wanita dan anak muda dengan mendakap nilai-nilai yang teguh dan pendidikan yang terbuka, serta menyokong perkembangan moral yang boleh membawa kepada pembangunan masyarakat yang dapat membantu menangani radikalisme, ekstremisme dan lain-lain bentuk penindasan, dengan cara menyemai rasa setiakawan yang kuat tanpa mengira agama, kaum atau gender.

SOLIDARITI SERANTAU:

31. Untuk **MENDESAK** Jeneral Prayuth Chan-ocha dari Thailand, dengan kedudukannya sebagai ketua tentera yang menerajui rampasan kuasa terhadap kerajaan yang dipilih secara demokratik pada Mei tahun ini, untuk segera mengadakan semula pilihanraya bebas dan adil agar rakyat Thailand dapat memilih kerajaan mereka.
32. Untuk **MENYUARAKAN KEBIMBANGAN** kerana beberapa peruntukan yang tidak demokratik masih wujud dalam perlembagaan Myanmar yang dirangka di bawah pemerintahan junta tentera, antaranya peruntukan yang menghalang penerima Hadiah Nobel Aung San Suu Kyi daripada bertanding dalam pilihanraya presiden serta kuota 25% kerusi parlimen untuk junta dan sekutunya; serta mengungkapkan semangat setiakawan terhadap semua pihak di Myanmar yang sedang berusaha untuk menghapuskan peruntukan-peruntukan berkenaan.

第八项议程：中委会决议

前言

民主行动党全国代表大会，以谦卑和急迫地表明：

在过去近50年的历史中，民主行动党已经转型至成为一个“准执政党”，与追求非种族、廉洁、社会公正以及民主马来西亚的社会群体接壤。

民主行动党需要自强，以创见方式回应全球、区域、国内、盟党和党内的一系列挑战，引领全国人民人达到社会正义、共同繁荣和团结互助。

因此，2014年民主行动党全国代表大会议决

致敬：

- ◆ 马来西亚人民在过去1年内面对马航MH17和MH370空难的双重打击，民主行动党不分种族不分宗教信仰地与受此影响的**每个人同在**。
- ◆ 民主行动党今年也因为失去了3位民选代议士和党领袖，即：卡巴星同志、黄和联同志和谢昂凭同志而承受了沉重打击。他们的斗争、友谊、关爱和回忆，**将永远留在大家的心中**。

沙巴和砂拉越：

- ◆ **呼吁**政府重新检讨沙巴和砂拉越人民在加入马来西亚50年后，是否达致其梦想和目标，以及再度深入探讨沙砂在《马来西亚协议》的权利。
- ◆ 对“沙巴非法移民皇家调查委员会”表达**深切的失望、不信任、忧虑及沮丧**之情，以及**再度**呼吁该报告分别提呈至国会和沙巴州议会辩论，以公布所有侵犯拥有合法公民权人士的罪行，并将之绳之以法。
- ◆ **赞赏**在拿笃入侵事件中对抗外国侵犯者的武装部队人员，要求政府加强沙巴东海岸的安全措施，**施压**要求军购能在透明制度下进行，以确保我国军警能有最佳设备保卫国土。
- ◆ **尊重**《根地咬誓言石》的三大马来西亚组成精神：宗教自由、州民拥地权利和尊重沙巴土著文化遗产。

承诺：

- ◆ 我们**承诺**建立众党员之能力，成为社会民主主义的使者，以及建设领导人后备梯队。我们也将继续加强现有领导层和立法议员的能力，使本党成为马来西亚能够提供理念和方案的首要政党。

- ◆ 我们不仅**重申**本党之理念，也坚决拥护民联的承诺，捍卫民联共同政策纲领、橙皮书以及《莎亚南宣言》。本党将坚守立场，捍卫民联长期协议，即不会在立法和治理议程上落实伊斯兰刑事法。
- ◆ **提出**走向全新的社会、政治及经济论述的清晰路线，摒弃不再必要的种族代表论，重申本党的建党斗争，即实现马来西亚人的马来西亚。
- ◆ **加倍努力**，发展本党，以开拓新的政治疆域，并且**继续**拥护开明和包容的文化，以巩固本党现有的支持力量。我们重申，民主行动党是全民政党。

建立马来西亚人的马来西亚：

- ◆ 我们保证以大家的共同点为推动力量，**坚定不移**地继续“马来西亚人的马来西亚”的计划；赞颂和欣赏差异之美，以拥护和推崇多元之优。
- ◆ **支持**大举改革国家教育制度，包括接受多元流教育的优点，即培育真正的马来西亚人身份；**谴责**巫统煽动族群情绪，诋毁受联邦宪法保障的母语教育权利；**重申**本党对承认独中统考和制度化拨款予母语教育体系的呼吁。

重建对体制的信心：

- ◆ **强调**对马来西亚所有方面落实真正的民主化，包括警察权、信息处理、经济秩序、文化生活、教育制度以及地方政府；其中将重点着手于恢复民选地方政府。
- ◆ **谴责**国阵以诉讼为手法的专制政治压迫，这可以从国阵拒绝废除过时的法令看得出来，例如直至上届全国大选前信誓旦旦废除的煽动法令。**批评**首相以“温和”为名的虚伪和欺诈式手段，在安华以及所有受政治打压的人士中完全毕露，我们亦**全力声援**他们。
- ◆ **重新推动**选举改革的诉求，以表达对选票不对等的不满；鉴于宪法规定的期限迫在眉睫，本党**再度严正要求**一个真正独立的选举委员会，以进行选区划分。
- ◆ 鉴于长期的争议性事件和最近的事态发展，展现总检察长不问责及滥用权力的倾向，本党**呼吁质疑**赋予总检察长（AG）关于展开起诉及其他权限的绝对权力，并且**提出**总检察长的遴选和任命过程须有全面改革。
- ◆ 鉴于马来西亚发生警局拘留所囚犯死亡事件剧增，我们**重申**设立“独立警方投诉及行为不检委员会”（IPCMC），从而恢复公众对警察的信心。
- ◆ 鉴于马来西亚将于2015年成为东盟主席，我们**敦促**政府在区域安全改革方面发挥影响力，从而**应战**对和平进程与人权构成无声及细微威胁、加剧的跨境犯罪、人口贩卖等；并毫无保留地**谴责**目前逐渐渗透大马社会的“伊斯兰国运动”，同时呼吁大马政府勿再延宕，即刻采取必要行动来杜绝其散播好战神权政治的议程。
- ◆ 我们**重申**继续争取马来西亚反贪委员会（MACC）被赋予检控权，并且把该委会撤出

首相署的权限范围，直接向国会负责，确保马来西亚在打击贪腐方面乃是认真与无私。

绿色经济：

- ◆ 我们**确保**经济发展是符合永续环保政策，从长远的角度确保它不会对经济和社会构成危害。
- ◆ 促使马来西亚经济远离倚重碳基燃料，并**过渡**到优先考虑可再生能源的经济，促进能源效率和推进绿色技术。
- ◆ **落实及拥护**节约用水政策以降低人均用水量，并减少“无受益水”（NRW）；并承认檳城在水管理方面的巨大成就。

人权斗争：

- ◆ **谴责**保留《大专法令》来钳制大学生结社和发言自由，以及通过专制打压阻止年轻人依照良心讨论合理的政治理念与行动。
- ◆ **欢迎和鼓励**三名上诉庭法官，一致裁决半岛原住民享有现有普通法下的土地拥有权。

妇女和青年：

- ◆ **承认和争取落实**《国际劳工组织》所规定的全体劳工能有体面工作。体面工作是获得政府、雇主、员工、工会和公民社会所达致的共识。体面工作和具生产力工作，是在全球化时代中，落实地方化、减少贫穷，拥有公平、包容性和可持续性发展的主要关键。
- ◆ **谴责**所有在政经文教各领域针对妇女和青年的歧视。
- ◆ **谴责**人口走私活动，尤其是在非法性奴交易和其他外劳剥削行动。不分国籍或职位地维护职场上的机会均等和安全。
- ◆ **主张**经济、工作和个人发展机会均等分配，因为上述机会是达致机制改革的重要步骤，以落实顶级的顾及性别政策决定。
- ◆ **争取**落实性别均匀的政策，以彰显健康和有操守的理性决策。因此，民主行动党为了展现严正看待提升女性参与政治的决心，建议保留30%固打予女性。
- ◆ **赋权和培养**女性和青年群体的独立意识，通过培养群体意识引领至群体正面发展，以支持坚守原则、自由教育和道德操守，来解决宗教、种族和性别的极端主义。

区域团结互助：

- ◆ **敦促**在今年五月以泰国军事首领身份，领导了反对民选政府政变而上台的巴育占奥差将军，即刻归还泰国人民一个自由及公平的大选，让该国人民重获选举权。
- ◆ **关注**缅甸宪法在该国军政府统治下所起草的某些不民主条款，包括：限制诺贝尔奖得主昂山素姬从参选总统选举、军政府和盟友享有25%的议会配额；并声援缅甸所有致力废除上述条款的人士

Agenda 8: Central Executive Committee Resolutions

PREAMBLE

The DAP National conference acknowledges with a strong measure of humility & urgency,

- That over the near five decades of the existence of the DAP, it has transitioned into party befitting of a government in waiting that congregates an increasingly broad range of social forces that share the vision of a non-racial, non-corrupt, socially just and democratic Malaysia.
- That there are a range of global, regional, domestic, inter-coalition parties and intra-party challenges that need to be addressed which impact on the party and the nation – the DAP needs to strengthen its ability to respond creatively to these factors and the fast changing realities of our time; and lead the way in bringing Social Justice , Equitable Prosperity and Universal Solidarity among all Malaysians.

The DAP 2014 National Conference thereby resolves;

TRIBUTES:

1. That as a people, Malaysians have been crippled by a double tragedy of MH17 and MH370 in the past year; and DAP STANDS IN UNCONDITIONAL SOLIDARITY with each and every one affected regardless of race, religion and creed.
2. That the party has been hit hard by the passing of three elected lawmakers, who are also party leaders whose seniority is not merely in their party positions and years dedicated to our shared struggle, but also in their friendship, love and memories; that Sdr Karpal Singh, Sdr Wong Ho Leng & Sdr Seah Leong Peng be REMEMBERED, CHERISHED AND ETCHED IN THE HEARTS of all who knew them till the end of time.

SABAH & SARAWAK:

3. To CALL for the government to re-evaluate whether or not the dreams and aspirations of Sabahans and Sarawakians have been fulfilled after five decades of Malaysia; and RESPECT views that there is a need to reassess the arrangements between said States with the Federation through an in-depth review of the Malaysian Agreement.
4. To EXPRESS UTTER DISAPPOINTMENT, disbelief, disquiet and dismay towards the report released on the Royal Commission of Inquiry on Illegal Immigrants in Sabah (RCIIS)'; to REPEAT our call for it be tabled and debated in Parliament and the Sabah State Assembly to hold accountable those involved, and to make public all wrongdoings that have infringed upon and insulted the citizenship rights of those deservant of it.
5. To COMMEND the spirit and bravery of the armed forces personnel who fought against the foreign insurgents in the Lahad Datu incursion and demand the government to fortify border security with a specific focus on the East coast of Sabah; to PRESSURE for an

extensive re-evaluation of military procurement processes in ensuring transparency and our Malaysian troops have the best equipment to defend our land.

6. To RESPECT the spirit behind Keningau Oath Stone that forms the three bases of formation of Malaysia in 1963; freedom of religion, the right of land to the state, and to respect and uphold the cultures and heritage of the aboriginal people in Sabah.

PROMISES:

7. To COMMIT in building the capacities of all members, to become messengers of social democracy as well as to build an ever-ready bench of future leaders; to continue to STRENGTHEN the currently elected party leadership and law makers towards DAP being Malaysia's foremost Party of Ideas & Solutions.
8. To not only REAFFIRM DAP's own, but to staunchly ADVOCATE all Pakatan Rakyat component party's commitment to uphold the Pakatan Rakyat Common Policy Framework, the Buku Jingga, as well as The Shah Alam Declaration; and STRESS that DAP will stand firm in upholding the Pakatan Rakyat longstanding agreement of not including the implementation of Hudud in neither its legislative nor governance agenda, whether at state or national level.
9. To REAFFIRM our party founding struggles of realising a Malaysian Malaysia, by laying out a clear path towards a new social, political and economic narrative where race based representation is obsolete and no longer necessary.
10. To REDOUBLE OUR EFFORTS in growing the party, in exploring frontiers of support previously uncharted, yet at the same time CONSOLIDATE the party's existing support base by continuing the culture of openness and inclusiveness; reiterating that DAP is for all Malaysians.

MALAYSIANISING MALAYSIA:

11. To HOLD STEADFAST AND UNSHAKING in the project of Malaysianising Malaysia, where each of us PLEDGE to continue being driven and propelled by our commonalities; EMBRACE the strengths found in our diversity, and be uplifted by celebrating and seeing the beauties in our differences.
12. To SUPPORT wide-ranging reforms of the National Education system; including to EMBRACE vernacular education as a strength that cultivates a true Malaysian identity; and CONDEMN unequivocally UMNO's fanning of racial sentiments by denigrating the right to mother tongue education as enshrined in the Federal Constitution; REITERATE our call for the recognition of UEC and systematic allocations for vernacular education.

REINSTIL INSTITUTIONAL CONFIDENCE:

13. To INTENSIFY CALLS for true democratisation in all facets of Malaysian life, including the authority of the police, the information process, the economic order, cultural life, education and local governance; with strong emphasis on the revival of an elected local government

14. To CONDEMN Barisan Nasional's high handed political persecution by prosecution, apparent in their refusal to repeal archaic laws such as the Sedition Act despite having promised to do so leading up to the last General elections; CRITICISE the Prime Minister for his disingenuous and deceitful use of the term 'Moderate', as seen with the case of Sdr Anwar Ibrahim and many more who are facing charges and EXPRESS FULL SOLIDARITY with them all, .
15. To REGALVANISE the electorate in voicing their dissatisfactions on the imbalances of electoral representation; and REPEAT OUR STRONG DEMANDS of a truly independent Election Commission, in the view of the impending constitutionally required electoral constituency delimitation exercise.
16. To CALL TO QUESTION the absolute power to prosecute or otherwise vested in the Attorney General (AG), in view of longstanding controversies and recent developments revealing its non-accountable nature and its susceptibility to power abuse ; and to PROPOSE sweeping reforms in it appointment and selection process.
17. To REAFFIRM the call to establish IPCMC to restore public confidence in our police force in view of the increasingly high number of custodial death in Malaysia.
18. In view of the Chairmanship of ASEAN being held by Malaysia commencing 2015, URGE that the Malaysian government take the lead in affecting a regional Security Sector Reform to COMBAT silent and subtle threats to peace processes and human rights, worsening cross border crime, human trafficking and; CONDEMN unreservedly the IS movement currently infiltrating Malaysian Society and calls for the Government to delay no more all necessary action in stamping out the its agenda of spreading militant theocracy.
19. To REAFFIRM our continued call for the provision of prosecutive powers to the MACC , and the transfer of the MACC from the purview of the Prime Minister's Department to the Parliament in ensuring a serious and impartial fight against corruption.

GREEN ECONOMY:

20. To ENSURE that economic development is consistent with environmentally sound policies that are sustainable and will not cause economic and social harm in the long term.
21. To TRANSITION the current Malaysian economy away from one that is heavily dependent on carbon based fuel to an economy that prioritises renewable energy sources, promotes energy efficiency and advances green technology.
22. To IMPLEMENT and CHAMPION water conservation policies in order to reduce water consumption per capita and reduce Non-Revenue Water (NRW); to ACKNOWLEDGE the hugely successful water governance story of Penang as an example.

PRO HUMANITY:

23. To CONDEMN the use of the UUCA to stifle freedom of association and expression of varsity students, and to silent young voices of conscience and dissent through authoritarian prohibitions of reasonable political discourse and debates.

24. To WELCOME AND APPLAUD the recent unanimous decision made by the three honourable appeal court judges, to affirm that Orang Asli in the peninsula have rights under the common law over their ancestral land.

WOMEN & YOUTH:

25. To ACKNOWLEDGE and CHAMPION the concept of Decent Work For All as formulated by the International Labour Organisation, which has forged an international consensus among governments, employers, workers, unions and civil society; that productive employment and Decent Work are key elements to achieving a fair globalization complemented by localisation, reducing poverty and achieving equitable, inclusive, and sustainable development
26. To CONDEMN all variations of socio-economic and political discrimination against women and youth; in addition to any forms of oppression that may arise in matters concerning governance and policies
27. To CONDEMN any form of human trafficking, particularly in the context of the currently rampant illegal sex trade, and other forms of migrant exploitations; UPHOLD universal equality and utmost safety at a workplace regardless of nationality or position held.
28. To VALUE fair distribution of economic opportunities, career and personal development and realize that these are key influencing factors that can lead to positive reform which can be achieved by developing a solid machinery to guarantee first rate gender monitoring and gender sensitive decision making
29. To ADVOCATE for positive progression and development by forming sound policies to ensure gender balanced participation and logical decision making that is reflective of healthy and ethical choices; the proposed minimum 30% women's quota is testament to DAP's sincerity and seriousness in increasing women's representation in politics.
30. To EMPOWER & FOSTER a sense of control, self-determination, self-reliance and autonomy within women and youth communities by; embracing principled values, liberal education and supporting moral growth leads to positive communal development that can help tackle radicalism, extremism and other forms of despotism by instilling a strong sense of camaraderie – regardless of religion, race or gender

REGIONAL SOLIDARITY:

31. To URGE General Prayuth Chan-ocha of Thailand, in his capacity as the military chief of the country who led the coup against a democratically elected government in May this year, to immediately return to free and fair general elections so that the people of Thailand will be granted suffrage after the suspension of democracy in the country following the coup.
32. To EXPRESS CONCERN that certain undemocratic clauses of the Myanmar constitution drafted under military junta rule, such as the barring of Nobel laureate Aung San Suu Kyi from contesting in the presidential election and 25% parliamentary quota for the junta and allies, are still in place; thereby expressing solidarity with all in Myanmar who working towards the removal of said clauses.